



KELIHATAN pelancong wanita yang melakukan aksi kurang sopan di hadapan Masjid UMS.

Pengurusan pantau tindakan kurang sopan pelancong di Masjid UMS

UB 13 · 7 · 2018 A2

Oleh VIVI OLIVIANA
NAJURUS

KOTA KINABALU: Pihak pengurusan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan melakukan pemantauan dengan lebih teliti berkenaan perlakuan tidak senonoh yang ditunjukkan seorang pelancong asing di hadapan Masjid UMS, di sini.

Timbalan Pengarah (Komunikasi Korporat) Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat UMS Talib Abdullah Shani berkata insiden tingkah laku pelancong yang kurang sesuai itu akan diteliti dan dipantau lanjut.

“Pihak universiti memandang positif peningkatan jumlah pelancong luar ke sini dan ia dilihat sebagai sesuatu yang berfaedah kepada UMS sendiri.

“Perkara ini bagaimanapun akan diteliti dengan mengambil kira perilaku pelancong yang tular termasuk mengetatkan sistem kawalan keselamatan serta menambah baik Prosedur Operasi

Standard (SOP) UMS kepada pelancong luar terutamanya pelawat di Masjid UMS,” katanya.

Talib memberikan kenyataan terbabit sebaik seorang pelancong wanita yang merakamkan gambar dengan aksi kedua-dua kaki ke atas di hadapan Masjid UMS tular di media sosial.

Netizen menyifatkan gambar berkenaan sebagai satu perbuatan tidak bertamadun yang ditunjukkan oleh pelancong asing di kawasan tempat ibadah.

Pihak berwajib perlu melaksanakan tindakan yang lebih ketat untuk membendung perkara itu daripada berterusan berlaku terutamanya di kawasan seumpama.

Pada 27 Jun, dua pelancong warga China yang juga guru tarian berumur 37 dan 25 tahun didenda RM25 setiap seorang selepas didakwa mengikut Seksyen 15 Ordinan Kesalahan Kecil Negeri Sabah selepas menari dengan pakaian menjolok mata di tembok Masjid Bandaraya, di sini pada 23 Jun.